# IM4U Outreach Center USIM




**PENYERAHAN** *sumbangan sebagai tanda sokongan.*



**MOHAMAD** *tertarik melihat gelagat kanak-kanak melukis dan mewarna.*

**Universiti** Sains Islam Malaysia (USIM) melancarkan IM4U Outreach Center, baru-baru ini bertujuan memberi peluang mahasiswanya terbabit dengan pelbagai aktiviti masyarakat selain menjana idea dan inovasi.

Majlis pelancaran yang berlangsung di kampus induk Nilai, Negeri Sembilan itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hassan selain turut dihadiri Naib Canselor, Datuk Dr Asma Ismail.

Turut diadakan pelbagai aktiviti menarik bersama masyarakat setempat seperti pertunjukan kebudayaan dan pertandingan mewarna.